



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MAKLUMAT TULAR KEJADIAN KLUSTER MUMPS DI PUTRAJAYA

Pada 5hb Oktober 2017, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima makluman mesej yang telah ditularkan berkenaan kejadian demam dan bengkak leher di sekolah di Putrajaya yang dikaitkan dengan jemaah haji yang baru kembali dari menunaikan haji.

Pihak KKM ingin memaklumkan bahawa, terdapat kejadian kluster *Mumps* (beguk) di kalangan pelajar di sebuah sekolah di Putrajaya yang mula dilaporkan pada 25hb Julai 2017 dan telah dimaklumkan di dalam kenyataan akhbar pada 15hb September terdahulu. Sehingga 6 Oktober 2017, kejadian yang sama juga berulang di sekolah yang sama serta melibatkan dua (2) buah sekolah yang lain dengan jumlah kes seramai 17 orang. Semua pesakit adalah stabil dan telah mendapat rawatan pesakit luar. Kejadian berlaku disebabkan oleh kanak-kanak tersebut tidak mempunyai immuniti untuk mencegah jangkitan mumps. Kes-kes tersebut **tidak ada kaitan langsung** dengan jemaah haji yang baru kembali dari Mekah atau Madinah.

Penyakit *mumps* (beguk) disebabkan oleh jangkitan virus *Paramyxovirus*. Pesakit akan mengalami demam, sakit kepala, sakit otot, keletihan, hilang selera makan dan bengkak serta sakit di kelenjar parotid (kelenjar air liur). Ia boleh tersebar melalui titisan cecair pernafasan dan air liur serta melalui sentuhan objek yang tercemar dengan cecair pesakit. Pesakit biasanya akan sembuh sepenuhnya selepas dua (2) hingga tiga (3) minggu. Komplilaksi *mumps* sangat jarang berlaku seperti jangkitan testis, telinga, otak dan ovari.

Penyakit *mumps* ini boleh dicegah dengan memberikan vaksin tiga (3) serangkai iaitu *Measles-Mumps-Rubella (MMR)* yang telah dilaksanakan

bermula tahun 2002. Bermula bulan April 2016, vaksin ini diberikan sebanyak dua kali iatu pada usia sembilan (9) bulan dan satu (1) tahun. Liputan imunisasi yang melebihi 95% di kalangan bayi di dalam satu lokaliti akan memberikan *herd immunity* dan melindungi kanak-kanak daripada dijangkiti virus ini. Adalah penting kepada semua ibubapa memastikan bayi mereka menerima vaksin ini pada masa yang ditetapkan.

Susulan kejadian kluster ini, aktiviti pendidikan kesihatan telah dipertingkatkan kepada semua pelajar dan guru sekolah terlibat. Taklimat berkenaan situasi semasa penyakit berjangkit di sekolah-sekolah sekitar Putrajaya telah diberikan kepada Guru Besar dan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid Sekolah oleh Pejabat Kesihatan Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Orang ramai yang mengalami gejala dan tanda-tanda diminta mendapatkan rawatan awal bagi mengelakkan komplikasi di mana-mana fasiliti kesihatan. Jangkitan *mumps* adalah ringan di dalam kebanyakan kes dan boleh sembuh sepenuhnya tanpa komplikasi. Orang ramai diingatkan untuk sentiasa memastikan kebersihan diri dan persekitaran serta mengamalkan etika batuk yang betul bagi mengelakkan penularan penyakit ini. Justru KKM ingin menasihatkan orang ramai supaya sentiasa mendapat maklumat yang sahih mengenai kejadian penyakit atau apa-apa maklumat berkaitan Kesihatan dari pihak KKM agar mengelakkan kekeliruan pada masa akan datang.

DR ZAINUDIN BIN ABDUL WAHAB
Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

6 Oktober 2017